



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM USAHAWAN KREATIF DI WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 30 September 2021 – Program Usahawan Komuniti Kreatif – Seni Jahitan Kreatif Malaysia telah berjaya melatih dan melahirkan seramai 50 orang usahawan khususnya yang tinggal di PPR dan PA di Kuala Lumpur. Inisiatif yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia, menyasarkan golongan belia, ibu tunggal, suri rumah sepenuh masa serta golongan B40 yang berpotensi untuk mengembangkan daya kreativiti dalam membantu menaik taraf kehidupan mereka.

Sehingga hari ini, pencapaian cemerlang peserta yang menghadiri program latihan dan bimbingan diberikan masih dapat dikekalkan. Lebih membanggakan, beberapa peserta yang berjaya merekodkan peningkatan jualan yang menjana pendapatan tambahan sehingga RM2,000 sebulan untuk membantu taraf kehidupan keluarga disamping meningkatkan *softskill* dalam bidang perkerjaan ini dari kediaman mereka sendiri.

Peserta yang menyertai program ini diberikan latihan jahitan seni kreatif seperti membuat *tote bag*, pelitup muka, *soft toys* dan pelbagai lagi. Malahan peserta turut dibekalkan kit permulaan memulakan perniagaan iaitu sebuah mesin jahit beserta bahan-bahan jahitan bagi mengurangkan beban penyediaan modal dan kos perbelanjaan. Selain itu, pendedahan mempromosikan produk secara atas talian (*online*) juga diterapkan seperti melalui *The Tunku Aziah Handmade Market* (TTHM), yang dilihat mampu dikomersialkan bukan sahaja berpotensi untuk pasaran tempatan ke pasaran antarabangsa.

Sebagai usaha *way forward* para ibu tunggal, suri rumah sepenuh masa serta golongan belia yang menyertai bidang Seni Jahitan Kreatif ini membolehkan mereka untuk meluaskan perniagaan ke tahap yang lebih besar melalui usahasama dengan syarikat-syarikat korporat yang membuat tempahan *corporate gift* dan lain-lain produk Seni Jahitan Kreatif dalam skala yang besar. Melalui usahasama ini juga, syarikat-syarikat korporat juga boleh membuat tempahan produk Seni Jahitan Kreatif untuk dihadiahkan kepada badan-badan amal sebagai tanggungjawab sosial korporat mereka. Secara tidak langsung usaha ini dapat membantu usahawan Seni Jahitan Kreatif untuk sama-sama berkembang.

Kementerian akan terus memastikan prestasi peserta tidak tersasar dan dapat melahirkan lebih ramai usahawan komuniti dari kumpulan isi rumah B40 di Wilayah Persekutuan di samping memperkasakan usahawan mikro untuk lebih berdaya saing dalam menghadapi norma baharu serta pemulihan ekonomi negara sejajar dengan matlamat Keluarga Malaysia.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
30 September 2021